




HAKISAN sungai membahayakan penduduk yang mempunyai rumah di tepi sungai di Hulu Langat, semalam.



KILANG pasir ini yang di dakwa oleh penduduk Hulu Langat yang mengotorkan Sungai Langat kerana sisa dari cucian pasir halus.

Hakisan Sungai Langat semakin serius

# Bimbang menunggu musibah

Oleh LUQMAN HAKIM RAHIM dan  
NURUL IZZA ROSLY  
berita@kosmo.com.my

HULU LANGAT - Tanah pusaka jadi korban hakisan sungai.

Kenyataan di atas mungkin sukar diterima tetapi itu hakikat yang terjadi apabila Sungai Langat yang saban hari 'menghentam' tebing-tebing tanah di sepanjang laluan.

Kebimbangan mereka itu semakin ketara pada waktu ini yang menyaksikan hujan setiap hari dan me-



nyebabkan paras sungai naik.

Penduduk diberitahu, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor sendiri mengesahkan laluan sungai telah membentuk aliran baru seterusnya

menutup aliran yang lama untuk mengelak berlakunya hakisan tanah pada suatu ketika dulu.

Seorang penduduk, Mohd. Sani Hamzan, 31, berkata, JAS telah membina tambak untuk menutup laluan asal namun ia telah pecah akibat aliran air deras dan arus Sungai Langat terpesong kembali ke aliran asal.

"Kira-kira 10 meter tanah dusun milik orang kampung di situ menjadi korban dan tanaman buah-buahan berdekatan sungai hanyut dibawa

arus," katanya.

Tinjauan *KOSMO!* semalam mendapati hakisan tebing itu sudah mula menghampiri penempatan 20 keluarga yang menetap berdekatan dengan sungai tersebut.

Abdul Halim Osman, 31, pula berkata, perkara itu telah berlarutan selama hampir lima tahun dan penduduk sudah jemu membuat aduan kepada JAS.

"JAS berjanji untuk mengatasi masalah itu. Bagai menunggu bulan jatuh ke riba, sehingga ke hari ini

masih tiada tindakan yang diambil," katanya.

Faizal Hassan, 34, pula mendakwa, hakisan yang berlaku itu juga turut 'dibantu' dengan kewujudan sebuah kilang memproses pasir halus yang membuang sisa lumpur ke dalam sungai

"Dasar sungai menjadi cetek dan ini memburukkan lagi keadaan kerana aliran air yang deras tanpa sungai yang dalam memudahkan hakisan tebing tanah berlaku dengan lebih cepat," ujarnya.